



## **MAKLUMBALAS AKHBAR UTUSAN MALAYSIA PADI: PETANI MENGELUH KADAR PEMOTONGAN MENINGKAT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada aduan di akhbar **Utusan Malaysia** bertarikh **5 April 2016** mengenai **Padi: Petani Mengeluh Kadar Pemotongan Meningkat**.

Untuk makluman, pada tahun 2015 pemutuan padi dijalankan secara “pemutuan tawaran” setelah pelaksanaannya pemutuan sebenar ditangguh sehingga Disember 2015. Kaedah pemutuan tawaran ini tidak menggambarkan mutu atau kualiti sebenar padi yang dihasilkan. Pelaksanaan kaedah pemutuan sebenar padi bermula pada Januari 2016 disebabkan pelaksanaan pemutuan tawaran akan merugikan industri dan juga perbelanjaan Kerajaan kerana ianya melibatkan pembayaran Subsidi Harga Padi (SSHP) yang berdasarkan berat bersih padi setelah dibuat pemutuan.

Berdasarkan laporan akhbar tersebut petani mendakwa padi yang dijual kepada kilang BERNAS di Peringat, Ketereh, Kadok dan Kok Lanas dipotong sehingga 30%. Petani juga mendakwa pemotongan tersebut tinggi berbanding tahu lepas. Ianya disebabkan kaedah pemutuan sebenar dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2016 berbanding pemutuan tawaran pada tahun 2016. Walau bagaimanapun Pihak Kawalselia Padi dan Beras (KPB) negeri Kelantan telah meyasat perkara ini di Kilang BERNAS Peringat pada 7 April 2016. Pihak BERNAS memaklumkan kepada Pegawai Penyiasat bahawa pemutuan padi dibuat berdasarkan kelembapan, padi muda dan hampa. Berdasarkan sampel analisa (rujuk lampiran) yang disemak pemotongan tinggi adalah disebabkan kandungan peratusan padi muda yang tinggi sehingga 21%.

Seksyen KPB Kelantan juga mendapatkan rumusan belian dan kadar pemotongan (pemutuan) dari kilang BERNAS Peringat bagi musim 1/2016 data ini sehingga 31 Mac 2016. Jumlah petani berdaftar di kilang BERNAS peringat tersebut sebanyak 10,885 petani. Padi yang telah dituai adalah sekitar 19.68% dengan jumlah baki padi yang masih belum dituai berjumlah 96,693MT. Hasil analisa mendapati jumlah pemutuan yang melebihi 30% adalah sebanyak 1,531MT daripada 17,587MT. Purata pemutuan padi adalah sebanyak 26.68%. Menurut pihak BERNAS, pemutuan yang tinggi tersebut juga disebabkan belian dari kawasan luar pengairan.

Secara rumusannya, adalah didapati pemutuan yang melebihi dari 30% hanya melibatkan 1,531MT atau 8.7% dari jumlah keseluruhan belian padi. Perkara ini disebabkan factor cuaca, jumlah padi hijau (muda) dan padi di luar kawasan pengairan. Kesimpulannya jika padi berkualiti rendah, kadar pemutuan akan tinggi. Walau bagaimanapun, pemantauan akan dibuat untuk memastikan potongan yang adil kepada petani dan secara tidak langsung ianya bagi mendidik petani memastikan padi berkualiti tinggi. Usaha penerangan tentang keperluan serta kepentingan meningkatkan kualiti padi oleh petani juga telah dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan.

---

**Muammar Rashikin Bin Abdul Hamid**

Pegawai Penguatkuasa

Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

No. Tel : 03-8870 1720

Disediakan Oleh :

**Unit Komunikasi Korporat**

**Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani**

**03-88701376 / 03-88701378**